

MAHATHIR

79 (P)
IPOH, 6 NOV. (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENEGASKAN BAHAWA BIDANG PERNIAGAAN MEMERLUKAN PENGURUSAN YANG BAIK UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN.

KATANYA, PENGURUSAN YANG BAIK ADALAH PENTING SELAIN DARIPADA MENDAPATKAN KEMUDAHAN—KEMUDAHAN LAIN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERUCAP DEMIKIAN DALAM JAMUAN MAKAN MALAM SEMPENA MESYUARAT AGUNG DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN BUMIPUTERA MALAYSIA DI DEWAN BANDARAN DI SINI.

TURUT HADIR TIALAH MENTERI BESAR PERAK, DATUK SERI HAJI WAN MOHAMED HAJI WAN TEH, SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, ENCIK MOHAMED KHALIL HAJI HUSSEIN DAN SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI, HAJI AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, BERHARAP DEWAN TERSEBUT JUGA AKAN MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA BIDANG PENGURUSAN.

MENGENAI BERBAGAI KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN UNTUK KAUM BUMIPUTERA MENJAYAKAN PERNIAGAAN MEREKA, BELIAU BERKATA TIDAK DAPAT DILIHAT BEGITU BANYAK KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN OLEH NEGARA—NEGARA LAIN JIKA DIBANDINGKAN DENGAN MALAYSIA.

KATANYA SELAIN DARI MENYEDIAKAN TEMPAT—TEMPAT BERNIAGA, KERAJAAN MENGADAKAN BERBAGAI PUNCA MODAL SUPAYA MODAL TIDAK LAGI MENJADI MASALAH KEPADA BUMIPUTERA. —BERSAMBUNG 2350/MD
PARA AKHIR HARAP BACA: KERAJAAN JUGA MENGADAKAN BERBAGAI....

B643

MAHATHIR 2 IPOH

MENGENAI PERMINTAAN SUPAYA KERAJAAN MENGADAKAN SATU LAGI KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA, BELIAU BERKATA KERAJAAN SEDAR BAHAWA MELALUI KONGRES—KONGRES YANG TELAH DIADAKAN KESAN—KESAN YANG BAIK DAPAT DIRASAKAN SEKARANG.

DASAR EKONOMI BARU SERTA PENUBUHAN LAIN—LAIN AGENSI KERAJAAN ADALAH HASIL DARIPADA KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA YANG PERTAMA DAN KEDUA, TAMBAHNYA.

YANG DIPERTUA DEWAN, SENATOR KAMARUL ARIFFIN, DALAM UCAPANNYA MENGGESA KERAJAAN MENGANJURKAN KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA KETIGA YANG BERTARAF KEBANGSAAN.

BELIAU MENGADAKAN SUPAYA KONGRES KETIGA ITU BUKAN SAHAJA DIKHAJIKAN KEPADA BUMIPUTERA TETAPI JUGA UNTUK LAIN—LAIN PIHAK YANG ADA KAITAN DENGAN PERNIAGAAN.

SENATOR KAMARUL ARIFFIN JUGA MENINGATKAN BAHAWA TAHUN DEPAN MERUPAKAN TAHUN UNTUK MEMENUHI APA YANG DIHARAPKAN DALAM DASAR EKONOMI BARU KERAJAAN. —BERSAMBUNG 2355/MD
PARA 2 HARAP BACA: KEDUA, TAMBAHNYA. (ULANG) TAMBAHNYA.